

## Lampiran A

### ANALISIS ISTILAH TARI DALAM KUMPULAN JOGET GAMELAN TERENGGANU

No	Harun Mat Piah dan Siti Zainon Ismail (1986)	Mohd Ghous Nasuruddin (1989)	Sama	Berbeza
1	Anom/ Nongga (Ini tari lagu Anom ketiga belas)	Anum		Berbeza
2	Antawada (Ini tari lagu antawada Berpulas ketujuh belas)	Antawadar		Berbeza
3	Arak-Arap/Irap-Irap (Ini tari lagu Irap-Irap, lelakon orang memukat)	Arak-arak	Sama	
4	Ayak-Ayak/Ayak-Ayak Dalam (Ini tari Ayak-Ayak Dalam iaitu jika tiada dimainkan Sulang Arak atau Perang dibawa tiap-tiap kali penyudah)	Ayak-ayak Dalam	Sama	
5	Ayak-Ayak/Ayak-Ayak Mula (Ini tari Ayak-Ayak, lagu yang pertama)	Tidak ada		
6	Badak gunung (?)	Badak Gunung	Sama	
7	Barong/Barong Di Atas Gunung (Ini tari lagu Barong Di Atas Gunung, lelakon Inu bersanding dengan dihiburkan oleh Gambuh)	Baung atas Gunung		Berbeza
8	Bayan Budiman (Ini tari lagu Bayan Budiman kelima)	Tidak ada		
9	Babar Layar (Ini tari lagu Babar Layar kesembilan belas)	Baba Layar		Berbeza
10	Belanda Mabuk/Kundang-Kundang Mabuk/Sulang Arak (Ini tari Sulang Arak iaitu Belanda Mabuk)	Kunang-kunang Mabuk (kundang-kundang merajuk kepada Belanda)		Berbeza
11	Bujam Emas (Ini tari lagu Bujam Emas, lelakon masa Raden Galuh pergi mendapatkan Neneh Kebayan dan mengambil bunga-bungaan di dalam taman) (=Bujam ialah bekas tempat sirih tebuat dari Emas; pemulis)	Hujan Emas		Berbeza
12	Buyung (Ini tari lagu Buyung kelima belas)	Buyung Cahaya Mata (?)		Berbeza
13	Cahaya Mata (?)	Buyung Cahaya Mata (?)		Berbeza
14	Cempaka Putih (?)	Cempaka Putih	Sama	
15	Damak (?)	Tidak ada		

16	Dendang (Ini tari lagu kedelapan belas)	Tidak ada		
17	Endang Balik (?)	Tidak ada		
18	Engkok ( Ini tari lagu Engkok, lelakon Puteri terbang naik ke atas kayangan, diikuti oleh suaminya yang tersesat pula ke dalam hutan. Ia menebang pokok dan kemudian berjaya naik ke kayangan. Di sana, dijatuhkannya cincinnya ke dalam buyung inang-inang yang datang mengambil air dari perigi)			
19	Gagak Seteru (Ini tari lagu Gagak Seteru ketujuh)	Gagak Seterou		Berbeza
20	Galah Ganjur (Ini tari lagu Galah Ganjur kedua puluh) (=Ganjur ialah Tombak; penulis)	Galah Ganjil		Berbeza
21	Gambuh (Ini tari lagu gambah (Gambuh) lelakon Raden Menteri memujuk Raden Puteri dan menyumpit burung-Raden Puteri Bertenun)	Gambuh	Sama	
22	Ganda Mangu (Lelakon Ganda Mangu?)	Rangda Mangu		Berbeza
23	Gelombang Sari/Lambang Sari (Ini tari lagu Gelombang Sari yang kedua puluh lapan)	Lambang Sari	Sama	Berbeza
24	Geliung (Ini tari lagu Geliung yang kedua puluh tujuh) (=Geliung ialah Perahu Eropah yang besar dari abad keenam belas)	Geliung	Sama	
25	Gendur Melati (?)	Gendang Melati		Berbeza
26	Gergasi/Raksasa (?)	Tidak ada		
27	Hujan Emas	Hujan Emas	Sama	
28	Kendong Gajah Mati (?)	Kendung Gajah Mati		Berbeza
29	Ketam Renjong (Ini tari lagu Ketam Renjong kesepuluh)	Ketam Renjang (?)		Berbeza
30	Ketawang (Ini tari Ketawang yang kedua puluh tiga) (=Ketawang ialah sejenis lagu atau irama dalam gamelan Jawa; penulis)	Ketawang	Sama	
31	Kilas Dayung (Ini tari lagu Kilas Dayung keenam belas)	Kilas Sedayong		Berbeza
32	Lancang Kuning (Ini tari Lancang Kuning lagu yang keempat)	Lancang Kuning	Sama	
33	Lantai Lima (Ini tari lagu Lantai Lima keempat belas)	Lantai Lima	Sama	
34	Lolo? (Ini tari Lolo lagu yang kedua)	Lolok (=Lolok ialah mengintip;		Berbeza

		penulis)		
35	Lonang/Nonang? (Ini tari Lonang lagu yang ketiga) (= <i>Lonang ialah sejenis buah nona atau buah Nonang; penulis</i> )	Lunang		Berbeza
36	Manggung Mati (Ini tari lagu Manggung Mati yang kesebelas)	Manggung Mati	Sama	
37	Medan Sari (?)	Medan Sari	Sama	
38	Mengkuwung/Kuwung-Kuwung	Tidak ada		
39	Mulih/Pemulih? (Ini tari lagu Bangun Mati atau Pemulih) (= <i>Mulih ialah balik, pulang, bahasa Jawa; penulis</i> )	Pemulih (?)	Sama	Berbeza
40	Payung Patah (?)	Payung Patah	Sama	
41	Perang/Perang Besar	Perang	Sama	Berbeza
42	Perang Geruda (?)	Tidak ada		
43	Perang Manggung (Ini tari lagu Perang Manggung kedua puluh satu)	Perang Manggung	Sama	
44	Perang Selinan (Ini tari Perang Selinan. Inilah dalam permainan joget gamelan dikatakan Perang Besar kerana terhimpun tiga perang di dalamnya iaitu; (i) Perang Betul, (ii) Perang Geroda (Garuda), dan (iii) Perang Seri Rama)			
45	Perang Seri Rama (?)	Serama (Seri Rama)		Berbeza
46	Raden Menteri (?)	Tidak ada		
47	Rangu-Rangu (Ini tari lagu Rangu-Rangu, lelakon menyambut Gambuh balik ke Kuripan bersama Raden Inu)	Rangu-rangu	Sama	
48	Selanting (Ini tari lagu Selanting kedelapan)	Selanting	Sama	
49	Sembawa Balik (Ini lagu Sembawa Balik, lelakon Betara Guru turun ke tasik menghidupkan Gambuh yang telah mati)	Gembawa Balik		Berbeza
50	Serasas Tunggal (?) (Lagu Serasas Tunggal lelakon Inu bermain di Balai lalu disambar oleh Betara Guru)	Saraas, Tunggal (?)		Berbeza
51	Seri Rama Balik (Ini tari lagu Seri Rama Balik, lelakon Perang Geroda dengan Harimau dan hulubalang Seri Rama)	Seri Rama Balik	Sama	
	Tenun (?)	Tidak ada		
53	Timang Burung (Ini tari lagu Timang Burung keenam)	Timang Burung	Sama	
54	Timang Inu (Tari lagu Timang Inu, lelakon Gambuh memanah nakus?)	Timang Inu	Sama	
55	Timbang Sawit (Ini lagu Timbang Sawit	Timbang Sawit	Sama	

	Mengebeng? yang kedua puluh lima)			
56	Tiung Semarang (Ini tari lelakon Tiung Semarang)	Tiung Semarang	Sama	
57	Togok (Ini tari lagu Togok kesembilan)	Togak		Berbeza
58	Tongkang Masuk (Ini tari lagu Tongkang Masuk)	Tongkang Masuk	Sama	
59	Topeng (Ini tari lagu Topeng yang kedua puluh dua)	Topeng	Sama	
60	Ulit Mayang (Ini tari lagu Ulit Mayang)	Ulit Mayang	Sama	
61	Ulit Seri Rama (?)	Ulit Seri Rama	Sama	
62	Wani-Wani (Ini tari lagu Wani-Wani yang kedua puluh enam-mandi di kolam) (=Wani, Wani-wani, bahasa Jawa adalah berani; penulis)	Warna-warni		Berbeza
63	Tidak ada	Balak		
64	Tidak ada	Galuh Merajuk		
65	Tidak ada	Gambus		
66	Tidak ada	Inu Ngantuk		
67	Tidak ada	Monang		
68	Tidak ada	Mongga		
69	Tidak ada	Remanggung		
70	Tidak ada	Selang Arak		
71	Tidak ada	Selangkah Tunggal		
72	Tidak ada	Taman Sari		
73	Tidak ada	Tawan		
74	Tidak ada	Togak Rampin		
75	Tidak ada	Tolar		

## Lampiran B

### KERATAN AKBAR DAN GAMBAR

#### **Tahun 1992**

Berita Harian (Pusparia) Khamis 28 Mei 1992 Memelihara Warisan Seni  
Utusan Malaysia (Seni dan Hiburan) 29 Mei 1992 Tarian Melayu Pupuk Perpaduan Kaum  
Berita Harian (Pusparia) Isnin 1 Jun 1992 Sarawak Juara Tarian  
Utusan Malaysia Isnin 1 Jun 1992 Pesta Tarian: Hasrat Kementerian Tercapai  
Metro Selasa 2 Jun 1992 Sarawak Juara Peperangan Seni di Pentas DBKL

#### **Tahun 1993**

Utusan (Seni dan Hiburan) 16 Jun 1993 Gabungan Seni dan Tradisi  
New StraitsTimes Thueday June 22 1993 Feast of Traditional Dance  
Berita Harian 21 Jun 1993 Tarian Jadi Jambatan Perpaduan  
Berita Harian 21 Jun 1993 Johor Unggul Dalam Festival Tari  
Harian Metro Rabu 20 Jun 1993 Sistesis Seni 13 Negeri

#### **Tahun 1994**

Dalam buku cenderamata tahun 1995 tidak ada keratan akbar dan hanya ‘nostalgia 1994’ dalam bentuk gambar-gambar  
Persembahan Terbaik Keseluruhan Kumpulan Kesenian Kampung Budaya Sarawak (dua gambar)  
Majlis Perasmian oleh Ybhg. Ketua Setiausaha Negara  
Naib Johan: Kumpulan Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan  
Ketiga: Kumpulan ATANAS Sabah  
Persembahan Terbaik Tarian Asli Kumpulan Kesenian Kampung Budaya Sarawak  
Majlis Penyampaian Hadiah Oleh YB. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia  
Sidang Keilmuan Kendalian Akademi Seni Kebangsaan (dua gambar)

#### **Tahun 1995**

Dalam buku cenderamata tahun 1996 tidak ada keratan akbar dan hanya ‘Imbas Kembali-FTK ’94 dalam bentuk 12 keping gambar-gambar tanpa maklumat

#### **Tahun 1996**

Dalam buku cenderamata tahun 1997 tidak ada keratan akbar dan hanya “Festival Tari Kebangsaan ’96 Dalam Ingatan” dalam bentuk 10 keping gambar-gambar dengan maklumat ‘Johan’ FTK ’96 Kumpulan Tarian dari Sabah berbahagia dengan kemenangan yang diraihnya  
Persembahan Tarian dari negeri Perak  
Satu persembahan tari istimewa dari Kumpulan Kesenian negeri Pahang  
Hai Bertopeng!!! Persembahan tarian rakyat dari Pulau Mutiara [Pulau Pinang]  
Tiga penari jelita dari negeri Johor  
Taniah!! YB. Dato’ Sabbaruddin menyampaikan hadiah dan cenderamata kepada pemenang Amboi! Seronoknya dia. Kumpulan Kesenian dari Negeri Sembilan meraikan kemenangannya  
Persembahan tarian etnik oleh Kumpulan Kesenian Sarawak  
Lima serangkai dari Negeri Sembilan semasa FTK’96  
Bahagian kreatif oleh Kumpulan Kesenian dari negeri Sarawak

**Tahun 1998**

Tiada data kerana buku cenderamata hanya berupa selembar kertas yang memuat jadual persembahan sahaja

**Tahun 1999**

Dalam buku cenderamata tahun 1999 tidak ada keratan akbhar dan hanya terdapat lapan keping gambar-gambar dengan maklumat

Kumpulan Terbaik FTK '98 dari Negeri Kedah merakamkan kenangan bersama Perma[sem]bahana Terbaik Tarian Asli dari Negeri Sarawak [dalam gambar menunjukan adalah tarian kreatif]

Negeri Sabah dengan persembahannya yang kreatif memenangi anugerah Persembahan Harapan [dalam gambar menunjukan adalah tarian zapin kategori asli]

Tarian lemah gemalai pengubat rindu dari Negeri Sembilan

Siren[h] Junjung pembuka kata

Manifestari rentak dan irama dari Negeri Johor

“Pak ketipak ketipung...” persembahan tarian dari Negeri Terengganu

Sebuah persembahan Tarian Etnik dari Negeri Sabah

## Lampiran C

### SINOPSIS FTK TAHUN 1997 DAN 1998

#### A. Sinopsis tahun 1997

Kes sinopsis ini dirakamkan dan ditrasliterasikan semula daripada suara oleh juruacara persembahan tarian dari audio-videografi pada tahun 1997 dan 1998.

- (1) Negeri Perak (1997): No Rekod Video: TRN1/1/97. kategori; tarian asli inang Selendang dan zapin Perak. Tema, dan sinopsis; tanpa sebarang maklumat.
- (2) Negeri Selangor (1997): No Rekod Video: TRN4/1/97. kategori tarian asli. Tema sejarah seni dan budaya. Sinopsis; ‘Paluan cemara Bugis dan tarian Patinun’. Paluan cemara Bugis merupakan gabungan daripada gaya paluan gendang cemara yang menggambarkan semangat juang tinggi dalam jiwa masyarakat Bugis. Dan kedatangan orang-orang Bugis ke Selangor pada abad 17 telah membawa bersama pelbagai kebudayaan dan kesenian yang penuh berseni. ‘Patinun’ adalah gerak tarian yang menggambarkan kehalusan, kelembutan, ketekunan dan kesabaran wanita dalam seni halus menenun kain. Kain ditenun dengan gerak jari yang lemah gemalai diiringi dengan alunan muzik dan paluan gendang, petikan kecapi dan serunai. ‘Sehelai seurat benang dan akhirnya menjadi selebar kain’. Inilah paluan gendang cemara dan tarian Patinun.
- (3) Negeri, Negeri Sembilan (1997): No Rekod Video: TRN2/1/97. kategori tarian asli inang Cek Minah Sayang dan joget Pucuk Pisang. Tema pergaulan dan asmara. Sinopsis; Inang dan joget biasanya [ditarikan] dalam majlis keramaian seperti majlis perkahwinan akan di adakan joget Lambak. Dan ia bertujuan untuk memeriahkan majlis tersebut. Sebelum bermula kebiasanya adat berpantun tidak dilupa antara teruna dan dara, dimana si teruna mencuba untuk memikat si dara. Inang ditari lemah gemalai, ditari oleh si teruna dara mata menyerling senyum ‘alah hai’. Adat dan sopan dipelihara bersama. Tari joget rancak geraknya sambil ditari mengikut irama. Jangan dilupa pesan orang tua, budi tetap dijaga.
- (4) Negeri Pahang (1997): No Rekod Video: TRN4/1/97. kategori tarian asli. Tema sejarah tari. Sinopsis; Irama gambus memulakan persembahan zapin Indrapura (tarian zapin Pekan). Zapin ini diasaskan pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar. Gerak tari zapin juga mempunyai kemahiran dalam *fostur* [reka tarian] Melayu Pahang, dan dilanjutkan dengan joget Asam Kana. Joget ini ditarikan mengikut asas gerak Pahang, yang pada masa lampau almarhum Sultan Abu Bakar dikatakan sangat mahir dengan gerak joget ini. Muzik asli yang mengiringi zapin dan joget ini adalah (harmonium, gambus atau ud, marwas, gendang rebana atau gendang Melayu) dengan menambahkan vokal seorang perempuan. Terdapat gerak geri tarian yang unik adalah bila mana badan berputar ke kiri atau ke kanan, sebelah punggung kaki diseret sambil menyapu di lantai sambil kedua tangan terhentik bergerak. Ada langkah berganda bila mana masing-masing penari berpindah tempat. Sedangkan pada gerak geri joget hampir sama seperti gerak *lenggang*, *goncek*, ayun kaki, tetapi lelaki *berkecak pinggang* dan perempuan *jimpit bahu*.
- (5) Negeri Sabah (1997): No Rekod Video: TRN1/1/97, kategori tarian asli (Joget Dendang) dan Zapin (Jipen Brunei). Tema sejarah tari. Sinopsis; Joget (Dendang) amat dikenali pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an [di Sabah]. Dan cara dendang ini diadakan dua kali dalam sebulan iaitu disetiap ladang-ladang getah di Sabah. Keramaian secara

kebetulan ‘PD’(?) atau ‘hari jadi’(?) diadakan dua kali sebulan, jadi selepas PD para penoreh akan berhibur oleh sebab ketiadaan TV [telefisyen] dan radio ketika itu. Maka acara berdendang adalah program yang paling diminati. Biasanya seorang pakar tari dan pakar pantun akan diarah dan dibayar. Penari yang terdiri dari kaum wanita akan menjadi sasaran kaum muda, dewasa dan juga yang telah lanjut usia. Dari tarian dendang dan tarian zapin atau pun Jipen Brunei yang terkenal di pesisir pantai Barat negeri Sabah, seperti Par-Par, Kuala Penyu, Sipisang, Menumbuk dan juga Labuan, [yang kini menjadi Wilayah Persekutuan akan dipersembahkan]. Jipen Brunei adalah hasil dari pengaruh Islam yang berkembang di Sabah pada tahun 1400-an, dan ode(?) perkembangan Islam. ‘Inilah tarian Jipen Brunei dibawa bersama masyarakat Timur Tengah’.

(6) Negeri Sarawak (1997): No Rekod Video: TRN3/1/97. kategori tarian asli bergendang dan berjepen. Tema sosial masyarakat. Sinopsis; Bergendang dan berjepen merupakan salah satu aktiviti suku kaum Melayu di Sarawak, yang dilakukan semasa sambutan majlis keraian seperti nikah kahwin, bertunang, berkathan. Dan sesuatu majlis yang bercirikan majlis sambutan kesyukuran dan doa selamat yang seumpama dengannya. Biasanya bergendang dan berjepen dilakukan pada sebelah malam selepas waktu isyak yang dimulakan dengan pukulan gendang oleh *Sheikh Gendang* atau *Mak Gendang*. Pemuda-pemuda yang datang dari jauh dan dekat akan bertanding untuk menyertai aktiviti ini. Dan setelah lewat malam aktiviti ini disusuli dengan berjepen untuk memeriahkan suasana aktiviti bergendang dan berjepen, diulang-ulang hingga dini hari.

(7) Negeri Pulau Pinang: No Rekod Video: TRN2/1/97. Kategori tarian Asli Joget Burung Tiung dan Joget-Zapin Bunga Hutan. Tema pergaualan, sinopsis;  
Burung Tiung nama diberi,  
Jadi siulan lalu dinyanyi,  
Dalam majlis indah berseri,  
Tari di tari sebagai hiburan,  
Ditari dengan langkah sopan,  
Wajah asli penuh keayuan,  
Mereka mulakan sebagai persembahan,  
Paluan kompong menggamat keramaian,  
Tarian zapin menyusul kemudian,  
Lagu bernama si bunga hutan,  
Rancak bertemu lelaki dan perempuan,  
Kampung Seronok tempat tumpuan,  
Astakasari nama kumpulan,  
Pulau Mutiara menjadi sebutan,  
Asli dan zapin mereka muliakan.

## B. Sinopsis tahun 1998

(1) Negeri; Perlis (1998): No Rekod Video: TRN8/1/98. kategori tarian asli. Tema pergaualan dan asmara. Sinopsis; ‘Nun jauh di utama dari Indra Kayangan datang berlenggok membawa suasana di suatu majlis pekahwinan orang-orang Melayu Perlis zaman dahulu’. Seperti juga tarian Canggung, tarian joget Kain Batik dan Inang Tua, adalah antara tarian-tarian asli negeri Perlis yang tidak boleh tidak senantiasa ditarikan di majlis-majis perkahwinan. Di samping itu, ia juga merupakan tarian-tarian penyeri di pesta-pesta selepas menuai padi. Joget kain batik ditarikan dengan cara berpasangan, usik mengusik antara lelaki

dan pasangannya dan kadangkala disulami dengan pantun. Begitu juga dengan tarian inang tua. Namun demikian, tarian inang tua lebih kearah memamerkan kehebatan penari lelaki. Walau bagaimanapun penari perempuan tidak kurang keistimewaan dari segi rupa paras yang menawan serta usik mengusiknya. ‘Satu kelainan tarian ini jika dibanding dengan tarian inang lain ialah penari-penarinya terpaksa melakukan pergerakan ala jalan itik’.

(2) Negeri Kedah (1998): No Rekod Video: TRN9/1/98. kategori tarian asli Inang Kesot dan zapin Senandung Sayang. Tema pergaulan asmara. Sinopsis; Tarian ini mula diperkenalkan lewat tahun 1940-an. Ia adalah salah satu ciri utama hiburan kaum lelaki pada masa itu, yang menggambarkan kemesraan ketika memikat penari wanita. Keistimewaan tarian ini adalah pada gerak mengesot dan *rasuk?* antara penari lelaki dan pasangannya. Dalam bahagian kedua pula mereka akan mempersembahkan zapin Senandung Sayang. Zapin ini diadaptasi [daripada] lagu Tengku Mohd Yatim. Gerak tegas dan tangkas adalah ciri utama pada tarian ini.

(3) Negeri Pulau Pinang (1998): No Rekod Video: TRN9/1/98. kategori tarian asli Si Bunga Tanjung dan Mak Inang Gembira. Tema pergaulan dan asmara. Sinopsis; Budaya Melayu sopan dan santun, gerak geri lemah gemalai, tarian asli Si Bunga Tanjung, gerak alus mencerminkan budi. Mak Inang tari gembira, langkah diatur mencerminkan kehidupan yang ceria, aman dan makmur.

(4) Negeri Selangor (1998): No Rekod Video: TRN8/1/98. kategori tarian asli, Inang Selendang Mayang dan joget Si Jambu Merah. Tema pergaulan dan asmara. Sinopsis; Tarian Inang Selendang Mayang memperlihatkan kelembutan gerak tarinya apabila si teruna merenung cuba memikat si gadis jelita yang tersenyum malu. Si teruna masih mencuba memikat hati si gadis yang dihiasi dengan tari Melayu joget Melayu si Jambu Merah di mana adat dan sopan masih dapat dipelihara dan dikenalkan dalam tradisi Melayu.

Berkain songket si anak pak Ngah,

Duduk bersimpuh di tepi titi;

Selendang Mayang tarian indah,

Joget si Jambu Merah memikat hati.

(5) Negeri, Negeri Sembilan (1998): No Rekod Video: TRN10/1/98. kategori tarian asli

Inang Kasih dan joget Saputangan. Tema pergaulan dan asmara. Sinopsis;

Inang Kasih tercipta sudah,

Ditarikan oleh teruna dan dara;

Jangan risau kasihnya kita,

Tetap dikenang sepanjang masa.

Tarian ini ditarikan secara berpasangan di mana kita dapat melihat kesopanan gadis-gadis Melayu disebalik selendang. Dan ia juga menggambarkan ikatan kasih yang penuh bererti di dalam hati masing-masing. Kasih sesama manusia semasa berada, kasih kepada Tuhan tetap kekal sepanjang masa.

Melenggang lenggok gadis Melayu,

Mengikut rentak amatnya merdu;

Jangan dilupa pesanan orang dahulu,

Jagalah budaya sepanjang waktu.

Dan joget merupakan warisan dahulu kala, namun gerak tari tetap dijaga. Agar tidak ditelan sepangjang zaman. Saputangan diberi menandakan betapa kukuhnya pegangan kita dalam budaya.

(6) Negeri Melaka (1998): No Rekod Video: TRN11/1/98. kategori tarian asli zapin Palembang dan joget Serampang Laut. Tema sejarah tarian lama. Sinopsis; Di Negeri Malaka pada suatu waktu dahulu amat popular dengan ‘temasya-pantai’, terutama pada waktu menjelang akhir bulan Syafar dalam kalender Islam. Menjelang tarikh tersebut, pantai, terutamanya di Tanjung Keling dan pantai Kundur akan diserbu oleh ribuan manusia dari seluruh pelosok-pelosok negeri [Melaka]. Malah adakalanya masyarakat Melayu dan negeri lain turut menyertai pesta sangat menarik pada waktu itu. Banyak kumpulan muzik akan mengadakan persembahan. Teruna dan dara pula akan menari mengikut irama yang dialunkan. Irama zapin bukanlah asing dari masyarakat Melayu Melaka, kerana irama yang berasal dari Timur Tengah ini indah untuk ditarikan. Apatah lagi irama joget. Joget yang juga disebut sebagai ‘*tandak*’ oleh masyarakat Melayu Melaka merupakan irama yang begitu popular sehingga acara ‘joget-lambak’ merupakan perkataan yang senonim kepada negeri ini.

(7) Negeri Johor (1998): No Rekod Video: TRN10/1/98. kategori tarian asli permainan zapin Pekajang dan joget Gentam Tanjung Adang. Tema sejarah tari. Sinopsis; Tarian zapin di Negeri Johor pada peringkat awalnya sebelum diangkat ke pentas lazimnya diletakan sebagai sebuah permainan. Maka sebutan bermain zapin bukanlah asing bagi masyarakat Johor. Terutama kepada komuniti sukan dan madrasah di Johor. Zapin Pekajang adalah milik kaum Bugis yang menetap [di] Kampung Pekajang, Gelang Patah, Johor, dan seni zapin ini hampir pupus. Yayasan Warisan Johor menyelamatkan warisan dan bertindak merakamkannya sebagai salah satu kasarah seni di Malaysia. Zapin Pekajang selalunya dimajukan di majlis Maulud Nabi, berkhatan, malam berinai dan didahului dengan puji-pujian kepada Tuhan dan RasulNya. Tanjung Adang pula adalah kawasan berdekatan Kampung Pekajang. Di sini pula seni tari joget atau lebih dikenali sebagai ber-gentam [*Gentam*] sering mewarnai majlis keramaian.

(8) Negeri Terengganu (1998): No Rekod Video: TRN9/1/98. kategori tarian asli zapin Terengganu dan joget Mak Dara. Tema sejarah. Sinopsis; Tarian zapin Terengganu menjadi salah satu kesenian yang ditarikan orang-orang Melayu sejak dari dulu lagi. Dan tarian ini biasanya ditarikan pada malam berinai, atau di malam majlis kenduri kahwin yang diadakan keesokan harinya. Ketika seisi rumah sedang sibuk menyiapkan segala keperluan kenduri di bawah, di atas rumah pula anak-anak muda berhibur dengan bunyi-bunyian dan tarian seperti zapin dan joget diikuti pula dengan rebana besar atau dipanggil ber-nabang [*Nabang*] mereka berhibur lewat malam. Zapin Terengganu biasanya ditarikan kaum lelaki sahaja. Setiap gerak langkah tarinya bermula dengan kaki kiri. Apresiasi tarinya yang asli diolah semula dengan berbagai pecahan. Muzik irungan, lagu dan pantun dicipta khas bersesuai dengan keindahan Negeri Terengganu Darul Iman.

Zapin Terengganu joget Mak Dara,  
Ditari tua dan muda;  
Di malam berinai bersenda loka,  
Marilah kita menyaksikannya.

(9) Negeri Pahang (1998): No Rekod Video: TRN11/1/98. kategori tarian asli zapin Seri Pekan dan joget Serampang Laut. Tema sejarah tari. Sinopsis; Zapin Seri Pekan; tarian ini berasaskan kepada zapin Pekan yang mempunyai kaitan kepada unsur pengaruh Riau selagi pemerintahan Pahang-Johor. Zapin Pekan sering kali ditarikan dalam majlis-majlis keramaian di daerah Pekan. Dan zapin Pekan juga dikatakan menjadi minat dan kesukaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.<sup>i</sup> Dalam setiap majlis keramaian Negeri. Dan

joget Serampang Laut pula ditarikan berdasarkan gerak joget Pahang yang pernah popular pada tahun 1960-an. Dan joget ini juga mempunyai pengaruh pergerakan kesopanan orang-orang Melayu dahulu.

(10) Negeri Sabah (1998): No Rekod Video: TRN8/1/98. kategori tarian asli zapin Jamilah. Tema pergaulan dan asmara. Sinopsis; Tarian Zapin Jamilah adalah tarian asli zapin warisan suku kaum Melayu Brunei yang menetap di kampung Piau, Bengawan, Sabah. Sebuah tarian yang membawa moral kumpulan anak muda yang memuji-muji sebuah nama Jamilah seorang gadis pujaan yang punya keistimewaan dikalangan gadis yang saban waktu melintasi sekumpulan lelaki. Unsur-unsur gerak tari zapin Jamilah seperti juga asas-asas tari zapin yang ada di negara kita. Tarian ini menegaskan keterampilan, kegagahan dan semangat juang seperti diperkenalkan oleh pengasas tarian zapin yang datangnya dari negara Arab. Namun zapin Jamilah melalui proses penerapan nilai-nilai budaya Melayu. Tarian ini nanti akan ditarikan oleh kaum lelaki sahaja. Gelanggang tariannya diduduki kumpulan wanita dan kumpulan pemuzik dengan alat biola, arkodion, rebana kompong, gambus sebagai pengiring tarian dan nyanyian dan seloka yang dipadankan dengan teknik persesembahan masa kini. Dan diikuti dengan tarian joget Tagunggu sebuah negeri (...) Sabah dengan proses masyarakat pramodenya di zaman kolonial Britis tahun 1950-an.

(11) Negeri Sarawak (1998): No Rekod Video: TRN10/1/98. kategori tarian asli zapin Sarawak dan Gendang Melayu. Tema sejarah. Sinopsis; Tarian ini menggambarkan rentak dengan gerak *Puscar Belanak*, *Gigit Lemadak*(?), *Tumpah Madu* hasil ilham seniman lama di dalam tarian zapin. Gerak tari dilandasi dengan unsur-unsur dan tatasusila Islam. Bila gendang berbunyi, kaki pasti bergoyang kerana iramanya yang rancak. Namun kerancakkan tidak mempengaruhi jiwa dan nurani yang sentiasa berpandukan adat ketimuran. Dan tarian ini di Sarawak tidak pernah ditarikan secara berpasangan lelaki dan perempuan. Serta [persembahan tarian ini] popular dengan sebutan ‘Majlis-Bermukun’.

### C. Sinopsis tahun 1997

(1) Negeri Perak (1997): kategori tarian kreatif Tangga. Tema falsafah hidupan. Sinopsis; Tangga merupakan alat penting dalam masyarakat kampung. ‘Kalau ada rumah mesti ada tangga’. Tangga pula merupakan [simbol] jatuh naiknya seseorang mencari kejayaan. Cerita bermula dari episod cerita *Lotah*. Oleh kerana kehilangan anak kecil semasa mereka berkerja. Masing-masing membawa anak kecil dengan digendong di belakang. Si ibu gigih bekerja dan si kecil lena dalam gendongan. Tiba-tiba si ibu menyediakan makanan, maka si ayah pula menjaga anak kecil. ‘Memang adat kaum lelaki tak tahu penat lelah dari erti penat’. Masa lapang mereka bermain kuda kepang dan mereka pergi pula menangkap ikan menggunakan *bubu*. Sementara menantikan bubu mereka dimasuki ikan, dan mereka berehat dan tiba-tiba mereka terlena. Dalam lena, mereka bermimpi melihat *lukah* [bubu] diganggu oleh ‘penunggu sungai’. [Seketika] tiba guruh dilangit berdentum, mereka semua terjaga dan [mereka] semua dibawa pulang oleh isteri masing-masing.

(2) Negeri Selangor (1997): kategori tarian kreatif ‘Sejarah Gemilang Budaya Cemerlang’. Tema sejarah negeri Selangor. Sinopsis; Negeri Selangor Darul Ehsan memang kaya dengan adat resam dan tradisi yang diwarisi daripada pelbagai rumpun kaum menetap di negeri ini. Rentetan sejarah lampau yang penuh gemilang digambarkan dalam pelbagai bentuk seni tari yang indah yang penuh berseni. Era kegemilangan ini hadir bersama kedatangan masyarakat Bugis yang diketuai oleh lima orang Daeng, iaitu Daeng Celak,

Daeng Kemasik, Daeng Menambun, Daeng Kerani dan Daeng Menewah. Kedatangan orang Bugis ini telah memulakan pemerintahan raja Selangor, oleh raja Lunju anak kepada raja Daeng Celak iaitu yang bergelar Sultan Salehuddin. Kedatangan orang Bugis ini tetap disambut baik oleh para penduduk tempatan yang terdiri berbilang kaum seperti Rawa, Jawa, Mandahiling, Banjar dan lain-lain. Kesetabilan ekonomi dan keharmonian masyarakatnya turut menarik masyarakat pendatang Cina untuk mencari reski di negeri yang bertuah ini. Keharmonian masyarakat digambarkan dalam tari *Serampang Duabelas* yang gaya tersimpul malu si teruna mengikat jiwa, usik mengusik memeriahkan suasana. Kemeriahannya dikucak juga, tenaga diperang mempertahankan raja berdaulat. Teruna dan dara berganding bahu, musuh ditentang bersama, penat lelah turut mendatangkan hasil, kegemilangan kembali jua, keharmonian pun sama, lenggok pelbagai rentak tari antara tari *Sewāng Mohmeri*, ‘sejarah gemilang budaya cemerlang’.

(3) Negeri Pahang (1997): kategori tarian kreatif Pesta Lembah Gunung Tahan. Tema alam semulajadi. Sinopsis; Kebangkitan Naga Tasik Ceni, yang menjadi lambang kemegahan masyarakat di lembah gunung Tahan yang menjadi tunggak kepada pembina kelompok kesenian di Negeri Pahang. Masyarakat sekitarnya mempunyai pelbagai kesenian yang diamalkan seperti tarian Labi-labi. Tarian ini berasal dari daerah lipis. Satu kesenian yang terpenting yang diilhamkan dari sejenis hidupan dalam sungai Pahang. Tari Pelanduk pula mengisahkan pemburu yang menggunakan kemahiran untuk menangkap pelanduk. Ia ditarikan mengikut lenggok pelanduk yang cukup menarik dan unik. Sewang pula adalah tarian dari kalangan Orang Asli yang mengadakan keramaian sebagai tanda syukur kerana mendapatkan reski yang banyak serta keselamatan kampung mereka. Walinongsari pula mengisahkan seorang puteri yang mempunyai berbagai kemahiran silat, menganyam, menari dan juga pandai bermain senjata seperti lembing. Tarian ini diakhiri pula dan digubah berdasarkan tarian Malaysia yang diadun begitu rupa untuk menghasilkan gerak tari yang menarik.

#### D. Sinopsis tahun 1998

(1) Negeri Perlis (1998): kategori tarian kreatif Kisah Bunga Mas Tema aktiviti budaya. Sinopsis; Setiap tiga tahun sekali Negeri Perlis terpaksa mengantar Bunga Mas kepada raja Siam di Bangkok. Ini termasuk juga kain persalinan dan perlengkapan perang. Sebelum bunga mas di buat dahulu rakyat jelata dimintak untuk menyumbangkan wang bagi membayai kos persiapan. Wang ini disebut wang *Ripan*. Ia dipungut mengikut bilangan kepala iaitu dimestikan bagi setiap pasangan yang telah berkahwin dan pembesar-pembesar negeri. Selepas bunga mas, kain persalinan, dan perlengkapan perang dibuat, panglima dan penghulu bunga mas diarah untuk mengantarkan dan mempersembahkannya kepada raja [...] Siam di istana Bangkok. Pada malam hari sebelum rombongan dijangka bertolak, diadakan suatu majlis keramaian. Ahli-ahli rombongan dan disaksikan oleh rakyat jelata. Majlis diserikan dengan pelbagai tarian rakyat Negeri Perlis. Keesokan harinya rombongan bertolak ke Bangkok menggunakan seluruh kapal besar. Tiba di sana rombongan disambut oleh raja Siam. Mereka turut diraikan dengan acara kebudayaan Negeri Siam seperti Rambong Rakyat, *Ikan?* dan *Hanuman?*. Demikian perihalnya upacara pengantaran bunga mas dari Negeri Perlis ke Bangkok yang terus diamalkan sehingga tahun 1906. Amalan ini dihentikan sebaik saja almarhum raja Syed Alwi menaiki tahta Negeri Perlis.

(2) Negeri Kedah (1998): kategori tarian kreatif ‘Waris’. Tema Mistik. Sinopsis; ‘Waris adalah roh, adalah jiwa, adalah cinta dan adalah kehidupan. Maka ia mewarisi dan terus diwarisi’.

(3) Negeri Pulau Pinang (1998): kategori tarian kreatif Ala Tanjung. Tema kehidupan sosial masyarakat. Sinopsis; Adat Melayu penuh dengan sopan santun—halus budi tinggi—budaya kedatangan tetamu tetap dirai. Dan tari silat Semerap(?) menanti tamu. ‘Jika jauh laung dibunyi, jika malam lampu disuluh’. Segala bantuan sedia diberi, tamu diterima sebagai jiran. ‘Adat bertolak ansur, seni disulam indah’. Pulau Pinang tapak pertama kedatangan Inggeris, berbagai kaum hidup [ber...], saling bahu membahu berganding tangan. Tercipta suatu budaya yang unik di sana. ‘Sepoi parti meraikan tiga Muhamram, satu upacara Syiah’. Budaya ini diterima berbilang kaum dengan senang hati. Irama dan lagu sering berubah, gerak tari juga bertukar-tukar mengikut selera semasa. Unsur India, Timur Tengah ini kadangkala berbau Barat. Namun itu dikenali sebagai Boria.

(4) Negeri Selangor (1998): kategori tarian kreatif Selendang Anak Dara. Tema folklor kehidupan masyarakat dan perkahwinan. Sinopsis; Tarian yang dipersembahkan berdasarkan legenda atau dongeng sejarah cerita keramat iaitu cerita Anak Dara. Kesan dengan sejarah ini masih dapat dilihat terpelihara di bukit Tanjung Keramat, Kuala Selangor. Mengikut kisahnya dalam sebuah kampung yang bernama Ulu Tiram, tinggal seorang anak gadis bernama Rubiyah. Rubiyah telah dipaksa berkahwin dengan jejaka pilihan orang tuanya. Walaupun hatinya tidak merelakan perkahwinan itu. Ia terpaksa juga menuruti. Pada malam perkahwinan berlangsung, tiba-tiba lampu dalam rumah terpadam menyebabkan orang ramai hingar bingar. Dan setelah lampu dinyalakan semula didapati si Dara telah hilang. Maka majlis perkahwinan terpaksa dibatalkan. Orang kampung bekerja sama ke luar untuk mencari si Dara. Malangnya usaha itu gagal dan ibu si Dara telah bermimpi bahawa si Dara telah memintak agar dia jangan dicara lagi, kala ia telah mendapat tempat yang dicita-citakan selama ini, iaitu di atas bukit Keramat. Keesokan harinya si ibu telah pergi ke bukit Keramat dan menjumpai sehelai selendang putih yang ditinggalkan oleh anaknya. Sejak dari itulah tempat tersebut dikenali dengan nama Keramat Anak Dara. ‘Legenda atau dongeng sejarah ini telah dijadikan cerita untuk diadaptasi ke dalam bentuk persembahan dan diberi tajuk Selendang Anak Dara. Persembahan digambarkan dalam tiga tahap iaitu, tarian pembuka, keramaian dan *finale*’.

(5) Negeri, Negeri Sembilan (1998): kategori tarian kreatif Cahaya Seri Menanti. Tema falsafah seni dan budaya. Sinopsis; Tari Lilin merupakan salah satu tarian yang popular di Negeri Sembilan. Bersumberkan cahaya lilin seolah menerangi seni budaya yang kian berkembang. Gabungan gerak geri tari yang disajikan menggambarkan betapa uniknya kehidupan serumpun. Bak kata pepatah; ‘Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat’.

Tari Lilin pembuka tirai,  
Gerak diayun mengikut rasa;  
Budaya lama jangan dilalai,  
Itulah warisan untuk kita.  
Indah sungguh budaya seni,  
Kembang tidakkan kuncup lagi;  
Marilah kita serupun janji,  
Tak luput dimamah hari.

Tari yang dipersembahkan [...] merangkumi; *operture*, payung berkembang, tari minang, petikan gerak, tari saji, dan tari piring.

(6) Negeri Melaka (1998): kategori tarian kreatif pertemuan selat Melaka. Tema sejarah Melayu. Sinopsis;

Selat Melaka di alam Melayu,  
Pertemuan dunia Timur dan Barat;  
Tumpuan manusia sejak dahulu,  
Berbagai tujuan dan juga hasrat.  
Laluan ini nadi cerita,  
berduyun ke Negeri Melaka;  
Pelbagai kaum dan juga bangsa,  
Mengadun sejarah catatan pena.  
Syarat berlabuh dagang *Seteri*(?)  
Luas bertambah takluk Negeri;  
Bentan, Siak dan Inderagiri,  
Silih berganti untuk sumbang upeti.  
Bunga emas kilau jauhari,  
Tanda bernaung kebawah Duli.  
Bertambah makmur Negeri Melaka,  
Cina, Arab, Gujerat, india;  
Rempah dan ratus permata sutera,  
Bertukar barang di mana-mana.  
Pahlawan gagah tunggak Negeri,  
Setia tidak berbelah bagi;  
Kepada Melaka menabur bakti,  
Menjunjung taat titahnya Duli.  
Tari selendang indah menawan,  
Negeri makmur emas terpawan;  
Cerita Dara berlenggang sopan,  
Berhibur lagu diiring senyuman.  
Nur Muhammad tiba bergema,  
Di pantai selat berlabuh bahtera;  
Dari Jedah datang Maulana,  
Di situ berupa titik bermula.  
Roh Islam junjungan mulia,  
Berkembang tentu diserata-rata;  
Di bibir selat labuhnya dalam,  
Tumpuan dagang di zaman silam.  
Banyak yang iri bercampur dendam,  
Permata Timur hendak dihidam;  
Bengali Putih? teguh bernazam,  
Akhirnya Melaka dapat digenggam.  
Setelah meniti arusnya kesah,  
Lahirnya Melaka Badaraya Bersejarah;  
Negeri berbudaya bersih dan indah,  
Rakyat hormoni ramah dan tamah.  
Muafakat dalam senang dan susah,  
Makmur Negeri semakin bertambah;  
Nona-nona dan Tanjung Perak,  
Dondang Sayang irama bergema;  
Selayang Pandang rancak bertandak,

Menyudah tari Negeri Berbudaya.

(7) Negeri Johor (1998): kategori tarian kreatif perjanjian. Tema sejarah budaya. Sinopsis; Maka titah Sri Tribuana(?) ‘Hendaklah segala anak cucu beta. Jikalau ada salahnya sekalipun atau zalim jahat pekertinya’. ‘Jangan segala hamba Melayu ikut derhaka dan menitikan darahnya ke bumi’. ‘Maka sembah Damang Lebar Daun, Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan negerinya dan tahta kerajaannya’. Demikianlah perjanjian di antara dua hamba ciptaan Yang Maha Esa, yang disebut *Muadai*(?). Namun bagaimana pula janji manusia kepada TuhanNya. Atau janji Tuhan kepada hambanya, yang berkurniakan ganjaran kepada mereka beramal dan berusaha. Yayasan Warisan Johor pada kali ini dalam karyanya berjudul ‘Perjanjian’ menyusuri rentetan sejarah dan budaya masyarakat. Perjanjian juga memaparkan seni tradisi rakyat Johor, kesusasteraan, kepercayaan, animisma dan perubahan. Satu persembahan Yayasan Warisan Johor.

(8) Negeri Terengganu (1998): kategori tarian kreatif ‘rumah kedai atap rumbia’. Tema hidupan dan cinta. Sinopsis; ... itu dia. Ini untuk seketika penat sehariyan bagaikan hilang bila dapat bersama suamiku tercinta. Di dalam kepekatan dingin tubuh [...] berbekalan pelita menyusuri pantai menemani suami tercinta yang akan turun ke laut. Kasih sayang isteri sampai keahkir hayat. Tak lupa ku bekal sedikit bekalan dan seikat rokok daun dalam kotak ke laut untuk hidangan tatkala lapar nanti. Sepandang lautan si suami mencari reski, ‘berat sama dipikul, ringan sama dijinjing’. Sama-sama bergolek menjala ikan. Petang baru menjelang pulang—penat dan lelah hilang serta merta bila si isteri memandang menyambut pulang dengan sambut salam dan cium sayang. Hatiku puas untuk suamiku tercinta. Seawalnya ku sediakan hidang-hidangan sebagai tanda kasih taat setia untuk suamiku. Terimalah sekuntum bunga, aku sudi menerima sehelai saputangan kuning pemberian mu sebagai tanda kasih sehingga ahkir hayat.

(9) Negeri Pahang (1998): kategori tarian kreatif kembara naga chini. Tema mesej kepada alam semulajadi. Sinopsis;

Berkayuh bersampan di tasik Bra,  
Tasik terbesar di Negeri Pahang;  
Hasrat besar semangat membara,  
Api di gunung terasa bahang.  
Endau rumpin rimba berharga,  
Tempat berteduh hiduapan liar;  
Ada usaha dirancang diduga,  
Jika gagal sudah beristihar.

(10) Negeri Sabah (1998): kategori tarian kreatif Moyang. Tema kepemimpinan suku kaun di Sabah. Sinopsis; Konsep, idea, dan koreografi Jalil Sulai. Moyang, mengambil konsep *Lulukranggang*(?) sebagai akar merah tempat asal usul seorang ketua suku kaum pribumi Sabah. Akar merah sebagai sumber pengambilan awal seorang pemimpin yang bertanggungjawab kepada kewujudan suku-suku dibawahnya. Sekaligus membentuk identiti seni budaya tersendiri. Membawa misi seorang ketua juga perlu memiliki kebolehan sehingga yang bersifat magis dan mistik bagi menyempurnakan kehidupan perjuangan rakyat. Menyatakan rakyat dengan tujuan beramal dan kebajikan. Ini dapat dilihat melalui meletakan dan penterokaan tarian dan elemen-elemen upacara ritual yang banyak menyumbang kepada kewujudan beberapa tarian etnik di Sabah. Tarian Moyang tidak terkecuali dari proses garapan kepada adunan masa, tenaga, akal dan ruang dalam penciptaan tafsirannya

menjuruskan Moyang sebagai tajuk wakil pelbagai tarian etnik sebagai jasad Moyang. Manifestasi seni Moyang melalui proses garapan tari sebagai struktur penciptaan plotnya. Unsur budaya tarian zon perdalamkan menstatuskan tarian Sumazau, Sumayau, Mengigel dan Syair Kubur Kalang Samak. Sebagai ajakan penyalukan kesenian zon pesisiran—moral realiti di antara melalui tarian Lunsai, Kudapasu, [dan] Bola-bola. ‘Gara-gara gerak kita sampai dipangkalan Rumcai, Jawi-jawi perpisahan, gara-gara gerak tiada keraguan—dipersimpangan warisan’. Interpretasi gerak tradisi adalah Moyang berangkat ke arah penerimaan dan prestasi seni tradisi Negeri Sabah. Warisan Moyang penyuluh bangsa berzaman.

(11) Negeri Sarawak (1998): kategori tarian kreatif Selampit. Tema sosial masyarakat dan riang gembira. Sinopsis; ‘Walau rentak seribu namun pentas tetap satu’. ‘Jalinan kemesraan menyatu dalam ikatan, mengurai dalam keharmonian’. Demi budaya bangsa kami jalin dalam Selampit. Semangat muhibah saling bantu membantu menjalin persatuan dan juga kesatuan.

## Lampiran D

### PENYERTAAN NEGERI TAHUN 1992-1999

Kumpulan Kesenian Majlis Kebudayaan Negeri Perlis, Kumpulan Kristal Kirana Perlis (Zahir Mozni B. Osman),  
Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah (Wan Mohd Nor B Wan Alam),  
Kumpulan Selendang Perak, Negeri Perak (A. Karim Othman),  
Kumpulan Badan Kesenian Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang,  
Kumpulan Penang Cultural Centre, Kumpulan Astakasari Kampong Seronok,  
Kumpulan Kesenian Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (Halmi B. Mahamad),  
Kumpulan Briged Seni Mutiara, Pulau Pinang (Yusof Halmi B. Mahamad),  
Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Kumpulan Kesenian Muzium Sultan Alam Shah (Siti Aishah Idris),  
Kumpulan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (Kalsom Samad),  
Kumpulan PUTRA,  
Kumpulan Dewi Kasturi Dance Troupe,  
Kumpulan Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan,  
Kumpulan Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan Sdn. Bhd (Md. Desa Rahman)  
Angkatan Seni Baru Yayasan Negeri Sembilan (Eliza Mustafa),  
Kumpulan Briged Seni Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (Yahya B. Abdul Ahmad),  
Kumpulan Taman Seni Budaya Negeri Johor,  
Kumpulan Angkatan Sri Johor/Taman Seni Budaya Johor,  
Kumpulan Kesenian Yayasan Warisan Johor, Badan Kesenian Warisan Johor (Onn B. Jaafar),  
Kumpulan Taman Seni Budaya Yayasan Warisan Johor (Ali Mat Pandi),  
Kelab Kesenian Darul Naim, Kelantan,  
Kumpulan ASBAK (Kumpulan Angkatan Seni Budaya AKSIRAMA Kelantan),  
Kumpulan GEMA Negeri Kelantan, Kumpulan SUKTRA Terengganu (Bahrin B. Ismail),  
Kumpulan Budaya Pahang (MPK) (Abdul Razin B. Ahmad),  
Kumpulan Budaya Yayasan Pahang,  
Kumpulan Budaya Yayasan Pahang,  
Kumpulan Briged Budaya Majlis Perbandaran Kuantan Pahang (Badarzaman Jusoh @ Harun),  
Kumpulan Sri Tari Sandakan,  
Kumpulan Pro Patio Ranau Sabah, Kumpulan ATANAS Sabah,  
Kumpulan Lembaga Sukan dan Kebudayaan Sabah (Jamil Magayad),  
Kumpulan Budaya KINABALU Sabah (BUDAYAWAN) (Jalil Sulai),  
Kumpulan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah,  
Kumpulan Kesenian Kampung Budaya Sarawak,  
Kumpulan Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Sarawak (Affendi B. Sebli), Kumpulan Badan Kesenian D'Cipta Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Sarawak (Rahamah Mohd Ekbar)  
Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan  
Angkatan Seni Baru Yayasan Negeri Sembilan

Badan Kesenian Negeri Kedah  
Badan Kesenian Pulau Pinang  
Badan Kesenian Warisan Johor  
Briged Seni Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka  
Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah  
Kampong Budaya Sarawak  
Kebudayaan Negeri Perlis  
Kelab Kesenian Darul Naim, Kelantan  
Kumpulan Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan  
Kumpulan Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan Sdn. Bhd  
Kumpulan Angkatan Sri Johor, Negeri Johor  
Kumpulan Angkatan Sri Johor/Taman Seni Budaya Johor  
Kumpulan ASBAK (Kumpulan Angkatan Seni Budaya AKSIRAMA Kelantan  
Kumpulan Astakasari Kampong Seronok  
Kumpulan ATANAS Sabah  
Kumpulan Badan Kesenian D'Cipta Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Sarawak  
Kumpulan Badan Kesenian Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang  
Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah  
Kumpulan Badan Kesenian Pulau Pinang  
Kumpulan Briged Budaya Majlis Perbandaran Kuantan Pahang  
Kumpulan Briged Seni Melaka  
Kumpulan Briged Seni Mutiara, Pulau Pinang  
Kumpulan Briged Seni Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka  
Kumpulan Budaya Kinabalu Sabah (BUDAYAWAN)  
Kumpulan Budaya Pahang (MPK)  
Kumpulan Budaya Yayasan Pahang  
Kumpulan Dewi Kasturi  
Kumpulan Dewi Kasturi *Dance Troupe*  
Kumpulan GEMA Negeri Kelantan  
Kumpulan Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Sarawak  
Kumpulan Kesenian Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia  
Kumpulan Kesenian Kampung Budaya Sarawak  
Kumpulan Kesenian Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak  
Kumpulan Kesenian Muzium Sultan Alam Shah  
Kumpulan Kesenian Negeri Perlis  
Kumpulan Kesenian Pahang  
Kumpulan Kesenian Yayasan Warisan Johor  
Kumpulan Kristal Kirana Perlis  
Kumpulan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah  
Kumpulan Lembaga Sukan dan Kebudayaan Sabah  
Kumpulan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Selangor  
Kumpulan *Penang Cultural Centre*  
Kumpulan Pro Patio Ranau Sabah  
Kumpulan Selendang Perak, Negeri Perak  
Kumpulan Sri Tari Sandakan  
Kumpulan SUKTRA Terengganu  
Kumpulan Taman Seni Budaya Negeri Johor

Kumpulan Taman Seni Budaya Yayasan Warisan Johor  
Kumpulan Yayasan Warisan Johor  
Lembaga Sukan dan Kebudayaan Sabah  
Majlis Perbandaran Petaling Jaya

## Lampiran E

### SENARAI TAJUK TARIAN ASLI TRADISIONAL DAN TARIAN KREATIF KONTEMPORARI SERTA GAYA BENTUK TARIAN SABAH DAN SARAWAK TAHUN 1992-1999A. Tajuk Tarian Asli

Inang Tua dan Joget Kain Batik, Zapin Budaya dan Asli Sri Serawak, Canggung, Semerah Padi dan Cintaku, Zapin Budi, Inang Kesot dan Zapin Senandung Sayang, Inang Selendang dan Zapin Perak, Inang dan Joget (konsep Orang Asli Ulu Kinta), Dondang Sayang dan Joget Serampang Laut, Hadrah Pembuka Panggung, Joget Burung Tiung dan Zapin Bunga Hutan, Si Bunga Tanjung dan Mak Inang Gembira, Inang (Ndoi-ndoi Dam) Orang Asli dan Joget Pucuk Pisang, Zapin Sambrah (Sara), Paluan Cemara Bugis dan Tarian Petenun, Inang Selendang Mayang dan Joget Si Jambu Merah, Chek Minah Sayang dan Joget Pucuk Pisang, Inang Kasih dan Joget Saputangan, Inang Saputangan dan Joget Ujang dan Milah, Inang Pulau Kampai dan Joget Mencari Teman, Zapin Palembang dan Joget Serampang Laut, Zapin Johor, Joget Sri Muar, Zapin Ya Salam dan Joget Johor Sport Club, Permainan Zapin Tenglu dan Joget Pulau Mersing, Permainan Zapin Pekajang dan Joget Gentam Tanjung Adang, Zapin Melayu Johor, Zapin Hanuman, Tarian Joget Lambak, Ayam Didik (Inang), Joget Kelantan, Zapin Terengganu dan Joget Mak Dara, Zapin Pekan dan Joget Pahang, Zapin Indrapura (Zapin Pekan) dan Joget Asam Kana, Zapin Seri Pekan dan Joget Serampang Laut, Terenang? dan Zapin Raub, Zapin Tidong, Jipen Barunai & Joget Dendang Sabong, Joget (Dendang), Zapin Jamilah dan Joget Tagunggu, Dendang Dusun, Zapin Sebat, Lampun Beradat?, Joget Paluan Hadrah, Bergendang dan Berjepen?, Zapin Sarawak dan Gendang Melayu, Tandak Melayu Sarawak dan Joget Tanjung Katung.

#### B. Tajuk Tarian Tradisional dan Tarian Kontemporari

7<sup>th</sup> Moon 8<sup>th</sup> Moon, tajuk = tarian kontemporari koreografer Lena Ang

